

31 JUL 1998

Chua-Bayi

KADAR KEMATIAN BAYI DI M'SIA HAMPIR MENYAMAI STANDARD NEGARA MAJU

PORT DICKSON, 31 Julai (Bernama) -- Kadar kematian bayi berumur di bawah satu tahun di negara ini kini semakin berkurangan dan hampir menyamai standard piawaian yang dicapai oleh negara maju, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini.

Katanya, petunjuk mengenai kematian bayi di bawah umur satu tahun di negara ini sekarang telah menurun kepada sembilan kematian bagi 1,000 kelahiran hidup daripada 40 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1970.

Kadar sekarang ini hampir menyamai kadar di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom yang masing-masing mencatat tujuh dan enam kematian bagi 1,000 kelahiran hidup, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Tahunan ke-20 Persatuan Paediatrik Malaysia di sini.

Katanya, kadar kematian bayi di negara ini menurun kerana kemajuan bidang kesihatan dalam negara serta keadaan sosial dan rakyat yang semakin baik.

Beliau berkata antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan ialah mengendalikan kursus lanjutan resusitasi bayi untuk menyelamatkan nyawa bayi dalam keadaan kecemasan seperti kemalangan di rumah, masalah pernafasan, terminum racun dan minyak tanah.

Terdahulu semasa berucap beliau berkata sebanyak 50 tenaga pengajar bertauliah daripada Kementerian Kesihatan telah dilantik untuk menjalankan kursus itu yang ditujukan kepada doktor kanak-kanak, jururawat dan paramedik. Setakat ini sebanyak 3,000 pengamal perubatan dan paramedik di hospital kerajaan di seluruh negara telah mengikuti kursus itu.

"Saya berharap melaluinya kadar kematian bayi akan dapat dikurangkan lagi ke tahap yang sama dengan kadar di negara maju," katanya.

Katanya, bagi bulan Jun lepas sahaja Unit Kecemasan Hospital Kuala Lumpur merawat 1,000 orang kanak-kanak yang memerlukan rawatan alat sokongan hayat.

Pada majlis itu Datin Paduka Marina Mahathir yang mewakili ibunya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyampaikan "Anugerah Penyelidikan Dr Siti Hasmah Mohd Ali" 1998 kepada pegawai perubatan paediatrik Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia Dr Hasniah Abdul Latif.

Anugerah itu diberikan kerana penyelidikannya bertajuk "Prevalence of Thalassaemia carrier among secondary school children in Kuala Lumpur."

Chua berkata anugerah yang pertama kali diberikan itu merupakan anugerah yang berprestij untuk mereka yang menjalankan penyelidikan dan kajian paediatrik serta kesihatan kanak-kanak.

Beliau berharap anugerah itu akan menggalakkan lebih banyak penyelidikan dalam bidang itu di negara ini.

-- BERNAMA

AZ NMO